

# 67 wartawan terbunuh tahun ini

**PARIS** – Persekutuan Wartawan Antarabangsa (IFJ) berkata dalam laporan yang dikeluarkan Jumaat lepas bahawa seramai 67 wartawan terbunuh pada tahun 2022, lapor portal berita UPI.

Angka yang diterbitkan menjelang sambutan Hari Hak-Hak Asasi Manusia Antarabangsa kelmarin itu adalah jauh lebih tinggi berbanding jumlah kematian tahun lalu yang menyaksikan 47 wartawan terbunuh.

Seramai 12 pemberita maut di Ukraine, 11 di Mexico, enam di Haiti, lima di Pakistan dan empat yang lain di Filipina.

IFJ juga mengesahkan pembunuhan wartawan wanita stesen Al Jazeera, Shireen Abu Akleh oleh tentera Israel pada Mei lalu di kem pelarian Jenin dalam wilayah Tebing Barat yang dijajah Rejim Zionis.

“Lonjakan dalam pembunuhan wartawan dan pekerja media lain mengundang kebimbangan yang serius. Kerajaan-kerajaan di seluruh dunia perlu sedar dan bertindak mempertahankan bidang kewartawanan yang merupakan salah satu tonggak utama sistem demokrasi,” kata Setiausaha Agung IFJ, Anthony Bellanger.

Persekutuan itu juga mengeluarkan angka mengenai wartawan yang dipenjarakan di selu-



**WARTAWAN Al-Jazeera, Shireen Abu Akleh (kanan) mati akibat terkena tembakan senjata pasukan pertahanan Israel di Palestin pada Mei lalu.**

– AFP

ruh dunia.

China mendahului senarai dengan memenjarakan 84 wartawan, diikuti oleh Myanmar (64), Turki (51), Iran (34), Belarus (33), Mesir (23), Russia dan wilayah Crimea yang dikuasai Moscow (29), Arab Saudi (11), Yemen (10), Syria (9) serta India (9).

“Jumlah wartawan yang ditahan kerana hanya melakukan tugas mereka mencerminkan

hipokrisi pengisytiharan hak asasi manusia dan kebebasan media oleh terlalu banyak kerajaan serta dilaungkan pada persidangan antarabangsa,” kata Bellanger.

Sebagai tambahan kepada 67 wartawan yang terbunuh, IFJ menyatakan bahawa lapan wartawan telah meninggal dunia dalam kemalangan sejak awal tahun 2022. – AGENSI